

## **PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. NG WEI AIK**  
**(TANJONG)**  
**NO. SOALAN : 440**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Market Development Grant (MDG) terpaksa digantungkan mulai 1 Januari 2017 berikutan kekangan Bajet Kerajaan Persekutuan. Sila nyatakan bilangan permohonan serta jumlah nilai MDG yang belum dibayar sehingga hari ini.

**Jawapan :**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program *Market Development Grant* (MDG) terpaksa diberhentikan buat sementara berikutan permohonan yang amat menggalakkan daripada syarikat PKS pada tahun 2016. Oleh itu, peruntukan yang diterima pada tahun 2017 akan digunakan bagi membiayai perbelanjaan aktiviti tahun 2016.

<b>Peruntukan 2017 dan komitmen sehingga 28 Februari 2017</b>	
Jumlah peruntukan 2017	RM 20 Juta
Jumlah komitmen:	RM 24.74 Juta
Bil.permohonan - 2,402	
Bil.syarikat - 1,682	
Kurangan peruntukan	RM 4.74 Juta

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**SOALAN :**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah projek bagi kerja-kerja naiktaraf dan baikpulih Bangunan Parlimen Malaysia dapat disiapkan. Sila nyatakan status dan kemajuan bagi kerja-kerja setiap fasa projek tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Baikpulih Bangunan Parlimen Malaysia (Fasa 2B) dijadualkan siap sepenuhnya pada 31 Mac 2017. *Certificate of Partial Occupation (CPO)* telah dikeluarkan pada 28 Februari 2017 untuk hampir keseluruhan Blok Utama kecuali Dewan Negara.

Manakala, Projek Fasa 3A (Blok Mekanikal) telah siap 100 % pada 02 November 2016 dan Fasa 3B (Blok Pejabat Ahli Parlimen dan Pejabat Pentadbiran) masih di peringkat pembinaan dengan kemajuan 25% dan dijadualkan akan siap sepenuhnya pada Disember 2018.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 442 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah halangan bagi PBT menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan jalan dan longkang dalam perkarangan sesebuah komuniti berpengawal (guarded community). Adakah garis panduan boleh dilonggarkan untuk membolehkan kerja-kerja tersebut dijalankan tanpa perlunya palang keselamatan dan pondok pengawal diturunkan terlebih dahulu.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menerbitkan garis panduan khusus berkaitan pembangunan Skim Komuniti Berpagar (*Gated Community*) dan Skim Kejiranan Berpengawal (*Guarded Neighbourhood*) pada tahun 2010. Garis Panduan Perancangan (GPP) ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal dan persatuan-persatuan penduduk dalam merancang, mengawal dan menubuhkan skim-skim perumahan berkonsepkan *Gated Community* (GC) dan *Guarded Neighbourhood* (GN).

GPP *Gated Community* dan *Guarded Neighbourhood* ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 28 Julai 2010 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-63 pada 2 September 2010. GPP ini telah diterima pakai dan dikuatkuasakan di peringkat negeri dan juga PBT.

Definisi *Guarded Neighbourhood* menurut GPP ini adalah sebagai satu kawasan kediaman terkawal secara keseluruhan atau sebahagian di dalam skim-skim perumahan sedia ada atau baharu yang pegangan tanahnya berhakmilik individu (*individual land title*). Kewujudan *Guarded Neighbourhood* adalah tidak berdasarkan kepada peruntukan mana-mana undang-undang atau peraturan. Ia hanya wujud secara 'ad-hoc' berdasarkan persetujuan penghuni-penghuni di sesebuah kawasan kejiranan atas faktor keselamatan.

Skim *Guarded Neighbourhood* menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan sama ada dengan atau tanpa pondok pengawal. Dari segi undang-undang, ia tidak boleh mempunyai halangan fizikal di atas jalan awam, menguatkuasakan sebarang sekatan keluar-masuk kepada penghuni dan orang ramai serta menghalang kerja-kerja penyelenggaraan utiliti oleh agensi-agensi berkaitan.

Pembinaan sekatan yang menghalang orang awam daripada memasuki kawasan taman perumahan yang bukan dibangunkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) adalah tidak dibenarkan. Ianya selaras dengan undang-undang sedia ada iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987

(seksyen 80) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [seksyen 46(1)] secara jelas menyatakan bahawa pemasangan sebarang halangan tetap di tempat awam sama ada di pintu masuk atau di kawasan laluan awam, termasuk lorong tepi dan lorong belakang kediaman adalah tidak dibenarkan.

GPP ini juga tidak membenarkan pembinaan pondok pengawal di tengah jalan masuk ke kawasan skim *Guarded Neighbourhood*. Pondok pengawal hanya dibenarkan disedia atau dibina di kawasan bahu jalan (*road shoulder*) dan perlu dipastikan tidak menghalang lalu lintas. Pondok pengawal hanya boleh dibina setelah mendapat permit atau kelulusan pembinaan sementara daripada PBT.

Hanya halangan dalam bentuk sekatan secara sementara seperti '*manual boom gate*', kon dan papan tanda keselamatan yang boleh diberi pertimbangan oleh PBT dengan syarat terdapat pengawal keselamatan bertugas yang mengawal sekatan tersebut selama 24 jam.

Tertakluk kepada ketetapan di peringkat Negeri, sebarang pembinaan pondok pengawal juga hendaklah mendapat kelulusan Lesen Pendudukan

Sementara (*Temporary Occupation Licence* - TOL) daripada Pejabat Tanah Daerah (PTD) yang berkenaan. Peraturan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 65, Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017